

Perpensis  
tunggu  
'lampu  
hijau'  
dari  
-3 JAN 1975  
pendaftar

# Kumpulan2 silat tempatan kurang memberi sambutan

10 JAN 1975

(2) p35

**B**ADAN Pengawal Seni Silat Melayu yang dirancang dibentuk untuk menyelaraskan kegiatan seni mempertahankan diri Melayu di Republik ini, masih belum dapat dibentuk setakat ini "kerana kurangnya sambutan diberikan oleh kumpulan-kumpulan Silat tempatan."

Disebabkan itu, jawatankuasa penasihat silat yang dibentuk oleh Majlis Sukan Singapura berikutan dengan pelaksanaan Undang-Undang Pengajaran Seni Mempertahankan Diri, terpaksa bergerak mengisi kekosongan kerana ketiadaan sebuah badan pengawal.

Kalangan silat memberitahu bahawa jawatankuasa itu sebenarnya dibentuk untuk sementara sebagai membuka jalan pembentukan sebuah badan pengawal seni silat.

Satu sumber silat berkata: "Oleh ke-

rana kurangnya sambutan diberikan oleh kumpulan-kumpulan silat tempatan, maka jawatankuasa itu terpaksa bergerak terus sebagai badan penasihat silat.

"Andainya sokongan diberikan oleh semua kumpulan silat, maka sebuah badan penawal akan dapat dibentuk dan fungsi-fungsi jawatankuasa penasihat itu dipindahkan kepada badan itu setelah ia dibubarkan."

Jawatankuasa penasihat itu sekarang dianggotai oleh wakil-wakil dari Per-

satuan Pencak Silat Singapura (PERPENSIS), Perkumpulan Anak-Anak Sandiwara Angkatan Kesenian (PASAK), Persatuan Wanita dan Teruna (PERWANIT), Persatuan Rakyat (PA) dan Majlis Sukan.

Ia sedang membantu memperoseskan permohonan-permohonan dari badan-badan silat tempatan, guru-guru dan pelatih-pelatih dari sejumlah 30,000 permohonan yang diterima oleh Unit Kawalan Seni Mempertahankan Diri di Kementerian Hal-ehwal Dalam Negeri.

Jawatankuasa itu juga menolong memberikan pandangan terhadap kelayakan yang sekurang-kurangnya harus dimiliki oleh seseorang yang mahu mengajar seni silat.

Ini adalah kerana seni silat tidak mempunyai sistem grading yang sama antara satu kumpulan dengan kumpulan yang lain, seperti yang dipunyai oleh kumpulan-kumpulan seperti Karate, menerusi badan pengawalnya, Persekutuan Karate Singapura (SKF).

Seorang ahli silat memberitahu: "Disebabkan oleh ketiadaan satu sistem grading yang sama inilah maka sebuah badan pengawal perlu diadakan.

"Skop fungsi jawatankuasa penasihat silat akan dapat diperluaskan lagi tidak saja dalam soal memberi nasihat tetapi juga dalam menjaga mutu permainan itu."

Harapan

Badan itu diharapkan akan dapat merangka satu sistem grading yang sama untuk semua kumpulan yang dengan itu akan dapat meninggikan lagi tarafnya.

Jawatankuasa itu diwakili oleh tiga buah badan yang seni silatnya bercorak seni Gayong sementara sebuah bercorak silat batin.

Seorang pegawai jawatankuasa itu berkata: "Kami harap kalaulah kumpulan-kumpulan silat yang mempunyai jenis seni yang lain, dapat ikut serta, maka kita tentu akan mempunyai seni Silat Melayu yang berbagai ragam.

"Bila hal ini berlaku, maka kita tentu akan dapat membentuk sebuah badan pengawal yang sempurna dengan anggota-anggotanya terdiri dari wakil semua jenis silat."

Sementara itu, seorang pegawai unit kawalan seni mempertahankan diri memberitahu sejumlah 29 buah badan seni mempertahankan diri, bersama dengan 40 orang guru dan 771 orang pelatihnya, telah pun diluluskan permohonan pendaftaran mereka.

Undang-undang seni itu mewajibkan semua pertubuhan, guru dan pelatih mendaftarkan diri.

**P**ERPENSIS, Per-

satuan Pencak Silat Singapura, masih lagi menunggu "lampu hijau" dari pehak pendaftar, Kementerian Hal-ehwal Dalam Negeri bagi meneruskan kegiatan-kegiatannya.

"Kami masih lagi menunggu jawapan dari pehak tersebut mengesahkan pendaftaran persatuan ini," menurut seorang pegawainya, Encik Abdullah Awang.

Pendaftaran tersebut telah dibuat pada November lepas berikutan dengan penguatkuasaan Undang-Undang Pelajaran Seni Mempertahankan Diri di Republik ini yang berjalan sejak 2 September lalu.

Perpensis telah ditubuhkan pada 1968, di mana pendaftarannya telah disahkan pada 16 Mei 1969.

Ini adalah pendaftaran Perpensis kali kedua berikutan dengan penguatkuasaan tersebut.

Sejak ia ditubuhkan dulu, Perpensis mempunyai anggota seramai 5,000 orang, tapi kini cuma 600 orang anggota saja.

"Ini disebabkan sebahagian besar dari penuntut - penuntutnya tidak dapat berlatih sepenuhnya dan masaalah tempat belajar," kata Encik Abdullah.

"Dan juga sebab-sebab tersendiri," tambahnya lagi.